



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : anhisham@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**OPERASI PENGUATKUASAAN LARANGAN MEROKOK DI DALAM
PENGANGKUTAN AWAM DAN KEPERLUAN MEMPAMERKAN TANDA
LARANGAN MEROKOK**

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 Peringkat Kebangsaan bagi kali keempat tahun ini pada 16 Mei 2014. Operasi yang bertemakan 'Ops Kenderaan Awam' ini bertujuan untuk menguatkuasakan peraturan larangan merokok di dalam kenderaan awam serta hentian pengangkutan awam dan menguatkuasakan pematuhan pemilik kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam untuk mempamerkan tanda larangan merokok. Selain itu, operasi ini juga turut menitikberatkan penguatkuasaan peraturan berkaitan larangan memiliki rokok tidak sah.

Sejumlah 2,317 buah kenderaan awam serta 251 buah hentian pengangkutan awam telah diperiksa di dalam operasi ini. Daripada jumlah itu, seramai 286 orang perokok telah dikompau kerana kesalahan Peraturan 11(1)(e) PPKHT, iaitu merokok di dalam kenderaan awam dan di hentian pengangkutan awam. Kesemua perokok ini dikenakan kompaun minimum RM 250.00 setiap seorang dan ini membawa kepada nilai kompaun yang dikeluarkan di bawah kesalahan ini berjumlah RM 73,500.

Selain itu, sejumlah 199 kompaun juga telah dikeluarkan terhadap pemilik kenderaan awam atas kesalahan Peraturan 12 PPKHT iaitu gagal mempamerkan Tanda Larangan Merokok di dalam kenderaan mereka atau tanda yang dipamerkan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan di bawah Peraturan ini. Mereka juga dikenakan kompaun minimum RM 250.00 setiap seorang dan ini membawa kepada nilai kompaun yang dikeluarkan di bawah kesalahan ini berjumlah RM 51,250.00.


Bagi mereka yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh masa yang ditetapkan, mereka akan didakwa di mahkamah dan sekiranya didapati bersalah, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Di samping itu, operasi ini juga melihat kepada pematuhan Peraturan 15 (4A) PPKHT iaitu larangan menjual, membeli atau memiliki rokok tidak sah. Seramai lapan (8) orang perokok telah dikompaun kerana kesalahan memiliki rokok tidak sah. Kesemua perokok ini dikenakan kompaun minimum RM 250.00 setiap seorang dan ini membawa kepada nilai kompaun yang dikeluarkan di bawah kesalahan ini berjumlah RM 2,000.00.

Tabiat merokok boleh menyebabkan penyakit kronik paru-paru obstruktif, penyakit jantung dan kanser paru-paru serta pelbagai jenis penyakit kronik dan kanser yang lain. Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihati orang ramai agar tidak memulakan tabiat merokok yang merugikan serta merosakkan kesihatan. Para perokok dinasihati agar berhenti merokok dan bersikap prihatin terhadap gangguan serta bahaya asap rokok pasif mereka kepada orang lain yang tidak merokok. Para perokok juga diminta menghormati undang-undang agar tidak merokok di tempat-tempat yang dilarang merokok.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bertema secara berkala bagi melindungi orang ramai daripada bahaya rokok. Kepada mereka yang ingin berhenti merokok, bolehlah mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di klinik-klinik kesihatan atau hospital kerajaan yang berdekatan atau menghubungi no. infoline 03-8883 4400 untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Sukacita saya menyeru kerjasama semua pihak agar kita bersama-sama berusaha ke arah satu masyarakat yang bebas asap rokok.


DATUK DR. JEYANDRAN TAN SRI SINNADURAL (Reg: 23652)
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Putrajaya
19 Mei 2014

**OPERASI PENGUATKUASAAN LARANGAN MEROKOK DI DALAM
PENGANGKUTAN AWAM DAN KEPERLUAN MEMPAMERKAN TANDA
LARANGAN MEROKOK**

PERKARA	JUMLAH
<p>1) Jumlah kenderaan awam yang diperiksa</p> <p>Pecahan kenderaan awam yang diperiksa:</p> <p>a) Bas - 1286</p> <p>b) Teksi - 988</p> <p>c) Keretapi - 9</p> <p>d) Bas persiaran - 24</p> <p>e) Feri - 10</p>	2317
<p>2) Jumlah hentian pengangkutan awam yang diperiksa</p> <p>Pecahan jenis hentian pengangkutan awam yang diperiksa:</p> <p>a) Hentian Bas - 123</p> <p>b) Hentian Teksi - 74</p> <p>c) Stesyen Keretapi - 18</p> <p>d) Jeti - 27</p> <p>e) Terminal Feri - 9</p>	251
<p>3) Jumlah kompaun yang dikeluarkan di bawah Peraturan 11(1)(e) – merokok di dalam kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam</p> <p>Pecahan bilangan kompaun yang dikeluarkan</p> <p>a) Bas - 17</p> <p>b) Feri - 5</p> <p>c) Hentian Bas - 239</p> <p>d) Hentian Teksi - 1</p> <p>e) Stesyen Keretapi - 2</p> <p>f) Jeti - 10</p> <p>g) Terminal Feri - 11</p>	286
<p>4) Jumlah nilai kompaun yang dikenakan di bawah Peraturan 11(1)(e)</p>	RM 73,500.00

